

8 universiti Malaysia gah di dunia

»Diiktiraf antara **200 IPT terbaik**
dalam penarafan antarabangsa

Oleh **Rosniza Mohd Taha**
yoniza@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Jaringan antarabangsa dan industri yang luas serta kekuatan ahli akademik serta pelajar menjadi faktor utama kejayaan universiti tempa-

tan mendapat pengiktirafan dalam Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek, baru-baru ini.

Senarai terbaharu diumumkan melalui laman web www.TopUniversities.com itu menyaksikan lapan universiti tempatan dinobatkan antara 200 institusi pengajian tinggi (IPT) terbaik dalam sekurang-kurangnya satu daripada keseluruhan 30 bidang pengajian yang dinilai.

Laksana inisiatif berkesan lonjak pencapaian

Kuala Lumpur: Universiti Sains Malaysia (USM) meraih pengiktirafan terbaik dalam kalangan institusi pengajian tinggi (IPT) negara ini melalui keputusan Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek yang diumumkankan baru-baru ini, apabila menduduki tangga ke-28 bidang sains alam sekitar.

Universiti Apex itu turut tersenarai dalam kelompok 100 IPT terbaik bagi bidang sains komputer dan sistem maklumat, kejuruteraan kimia, kejuruteraan awam serta kejuruteraan mekanikal.

Pemangku Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Ahmad Shukri Mustapa Kamal, berkata sumbangan kakitangan dan pelajar serta dana mencukupi menjadi pemangkin usaha meningkatkan kualiti pengajian di universiti itu.

Beliau berkata, meningkatkan jumlah bakat terbaik dalam kalangan kakitangan dan pelajar, prasarana serta kerjasama dengan universiti tersohor adalah antara inisiatif diberi keutamaan bagi melonjakkan pencapaian USM dalam penawaran pengajian.

Reputasi mantap

"USM berusaha meningkatkan prestasi dalam semua bidang tetapi penambahbaikan tidak berlaku secara mendadak. Lonjakan kualiti dan pencapaian adalah berbeza bagi setiap bidang serta tertakluk kepada pelbagai perkara, termasuk faktor luaran," katanya dalam kenyataan media.



“**PENINGKATAN PENARAFAN DALAM BIDANG KEJURUTERAAN PULA MENCERMINKAN PENEKANAN UNIVERSITI INI KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI PROGRAM AKADEMIK, JUMLAH PELAJAR PASCA-SISWAZAH SERTA PROGRAM PENGANTARABANGSAAN**”

Prof Wahid Omar,
Naib Canselor UTM

Sementara itu, Dekan Fakulti Bahasa & Linguistik, Universiti Malaya (UM), Prof Dr Zuraidah Mohd Don, berkata reputasi akademik yang mantap dibina hasil pembabituan warga universiti itu dalam kegiatan ilmiah hingga ke peringkat antarabangsa.

Katanya, ahli akademik UM membina jaringan global yang luas menerusi lebih 20 aktiviti ilmiah, termasuk penyertaan dalam persidangan, kerjasama penyelidikan, menjadi pemeriksa luar untuk tesis kedoktoran dan sidang pengarang jurnal antarabangsa.

Beliau berkata, pelajar turut menyumbang kepada kejayaan universiti itu dengan mencatat pencapaian luar biasa, antara lain memenangi anugerah dan mengikuti program akademik di luar negara.

Majikan berpuas hati

"Menjadikan Common European Framework of Reference (CEFR) sebagai penanda aras dalam mendapat pengiktirafan antarabangsa dan memastikan penyelidikan ditumpukan kepada bidang kebitaraan adalah antara usaha fakulti ini untuk mengekal dan memantapkan pencapaian dalam penarafan itu," katanya.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Ir Dr Wahid Omar, pula berkata markah tinggi diperoleh universiti itu hasil kaji selidik reputasi majikan.

Katanya, kebanyakan



**USM BERUSAHA
MENINGKATKAN
PRESTASI DALAM SE-
MUA BIDANG TETAPI
PENAMBAHBAIKAN
TIDAK BERLAKU
SECARA MENDADAK.
LONJAKAN KUALITI
DAN PENCAPAIAN
BERBEZA BAGI SETI-
AP BIDANG SERTA
TERTAKLUK KEPADA
PELBAGAI PERKARA”**

**Prof Ahmad Shukri
Mustapa Kamal,**
Pemangku Naib
Canselor USM

majikan berpuas hati dengan prestasi dan kualiti graduan UTM, sekali gus membantu universiti itu tersenarai dalam kelompok 200 universiti terbaik bagi lima bidang pengajian.

Selain itu, beliau berkata, UTM memperbaiki kedudukan dalam sitasi akademik kerana peningkatan jumlah pelajar pascasiswazah yang banyak menghasilkan penerbitan berimpak tinggi.

INFO

Lapan universiti tempatan tersenarai antara 200 IPT terbaik dalam Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek.

- 1) Universiti Sains Malaysia (USM)
- 2) Universiti Malaya (UM)
- 3) Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 4) Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- 5) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 6) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
- 7) Universiti Teknologi PETRONAS (UTP)
- 8) Universiti Multimedia (MMU)

“Peningkatan penarafan dalam bidang kejuruteraan pula mencerminkan penekanan universiti ini ke arah meningkatkan kualiti program akademik, jumlah pelajar pascasiswazah serta program pengantarabangsaan,” katanya.

Sistem mentor mentee

Dekan Fakulti Pengkomputeran UTM, Prof Dr Mohd Aizaini Maarof, berkata kerjasama erat dengan industri dalam pembangunan kurikulum dan penyampaian adalah antara faktor utama kejayaan universiti itu bagi penarafan bidang sains komputer dan sistem maklumat.

Beliau berkata, fakulti diterajuinya turut menjalin kerjasama baik dengan institusi antarabangsa dan masyarakat tempatan, selain melaksanakan sistem mentor mentee untuk penyelidikan serta penerbitan.

“Pelajar pascasiswazah dipantau oleh kumpulan penyelidikan, malah pihak fakulti mengadakan seminar penyelidikan tahunan sebagai wadah untuk meneliti kemajuan projek penyelidikan dilak-

Kedudukan universiti tempatan dalam Penarafan Universiti Dunia QS berasaskan subjek:

Pertanian & Perhutanan

51-100 : UPM

Kimia

101-150 : USM

**Pengajian Media
& Komunikasi**

101-150 : USM

151-200 : UPM

**Sains Komputer &
Sistem Maklumat**

51-100 : UM

51-100 : USM

151-200 : MMU

151-200 : UPM

151-200 : UTM

Ekonomi & Ekonometrik

101-150 : UPM

151-200 : UM

151-200 : USM

151-200 : UKM

Pendidikan

51-100 : UM

51-100 : UPM

51-100 : UKM

101-150 : USM

Kejuruteraan Kimia

51-100 : USM

51-100 : UM

101-150 : UTM

151-200 : UKM

151-200 : UPM

151-200 : UTP

**Kejuruteraan Awam
dan Struktur**

51-100 : USM

101-150 : UKM

101-150 : UTM

101-150 : UPM

151-200 : UM

**Kejuruteraan Elektrikal
dan Elektronik**

51-100 : UM

101-150 : UKM

101-150 : USM

101-150 : UTM

101-200 : UPM

**Kejuruteraan Mekanikal,
Aeronautikal & Pembuatan**

51-100 : UM

51-100 : USM

101-150 : UKM

101-150 : UPM

101-150 : UTM

Sains Alam Sekitar

28 : USM

101-150 : UPM

151-200 : UM

Geografi

151-200 : UKM

151-200 : UM

Undang-Undang

51-150 : UM

101-150 : UKM

Sains Bahan

151-200 : USM

151-200 : UM

Matematik

101-150 : UKM

Perubatan

151-200 : UM

Bahasa Moden

51-150 : UM

151-200 : UIAM

Farmasi dan Farmakologi

51-100 : USM

101-150 : UM

151-200 : UKM

151-200 : UPM

**Politik & Pengajian
Antarabangsa**

51-100 : UKM